

BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH: 20 OKTOBER 2021
(RABU)



Pembangunan teknologi EV tempatan bakal diperkasa



ADHAM BABA

Oleh AMREE AHMAD 20 Oktober 2021, 11:17 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi komited memperkasa usaha pembangunan dan pengkomersialan kenderaan elektrik (EV) tempatan sejajar hasrat negara.

Menterinya, Datuk Seri Adham Baba berkata, langkah jangka panjang menerusi pelbagai pelan nasional turut dirangka kerajaan bagi memenuhi agenda kelestarian mobiliti negara.

Ia dibuat berdasarkan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (MySTIE) iaitu inisiatif di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

"Aspirasi ini juga ambil kira fokus Dasar Automotif Negara 2020, Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 dan Pelan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030," katanya dalam satu kenyataan.

Reaksi tersebut sebagai maklum balas susulan sesi libat urus bersama penggiat industri EV domestik pada Isnin lalu bersama beliau mengenai pembangunan ekosistem kenderaan itu.

Sesi pertemuan julung kali itu ekoran hasrat digariskan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 27 September lalu.

Mengulas lanjut, Adham berkata, agensi di bawah kementerian itu, NanoMalaysia, akan memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi seimbang dan kelestarian mobiliti.

Justeru, ujaranya, satu pelan tindakan disediakan untuk memberi fokus melalui geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama perusahaan tempatan berlandaskan EV.

“Aspek ini penting agar memacu pertumbuhan ekonomi dan penjanaan kerjaya selari aspirasi menjadikan Malaysia berteknologi dan berpendapatan tinggi menjelang 2030,” katanya.

Langkah awal juga dibuat menerusi Program Inisiatif Teknologi Stor Tenaga NanoMalaysia di bawah RMK-12 bagi pengkomersialan EV yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat.

Kementerian itu juga meningkatkan penerimaan rakyat terhadap teknologi ini bagi mencapai hasrat Malaysia menjadi pengeksport komponen EV paling sohor di rantau Asia Tenggara.

Kerjasama bersepadu tersebut kata Adham, turut melibatkan rangkaian pelbagai kementerian, institusi pengajian tinggi, syarikat pemula serta usahawan perusahaan kecil dan sederhana.

Bahkan ujar beliau, dana penyelidikan strategik di bawah skim Malaysia Grand Challenge ada disediakan bagi pembangunan prototaip EV sebagai wadah boleh diterima pakai industri.

“Kerajaan yakin penerimaan masyarakat akan meningkat dalam jangka masa pendek kerana konsep EV yang lebih jimat tenaga dan prasarana pengisian kuasa agak sederhana,” katanya.

Teknologi kenderaan tersebut juga jelasnya, ada potensi besar untuk sistem pengangkutan awam dan sektor logistik di negara ini menjelang 2030 disebabkan faktor kos lebih rendah. – UTUSAN ONLINE